

**APPLICATION OF QABD IN CONTEMPORARY ISSUES INVOLVING
GOLD BUYING TRANSACTIONS**

**APLIKASI QABD DALAM ISU-ISU KONTEMPORARI MELIBATKAN
TRANSAKSI JUAL BELI EMAS**

Muhamad Zuhaili Saiman¹

¹ (Corresponding author). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. mdzuhaili@uitm.edu.my

| | |
|-----------------|---|
| Abstract | <p><i>Digital gold through gold accounts is gaining ground among the general public. There are many gold companies such as Public Gold, KAB Gold, YaPEIM, Quantum Metal and Islamic banking also offer digital gold through gold accounts such as Islamic Gold Account-I (Maybank Islamic), Gold Account-I (Kuwait Finance House), Muamalat Emas-i (Muamalat Bank) and Emas-i Account (Affin Islamic). However, in ensuring the buying and selling of gold, whether it is physical gold or digital gold, it must be in line with the guidelines that must be followed to ensure that the transaction does not involve usury and gharar elements. This is because gold is a ribawi item that has special characteristics in transactions to avoid the element of riba al-fadl or riba al-nasiah. Problems when online transactions (online) such as digital gold storage and also the lock price and postal delivery of physical gold need to see the qabd application clearly to avoid the issue of delay that leads to riba al-nasiah which is prohibited. The question arises whether qabd has occurred to avoid the existence of riba an-nasiah in all such transactions and what form of application of qabd occurs. Accordingly, this article will examine the application of qabd in contemporary issues involving gold buying and selling transactions, which are online transactions such as digital gold storage, lock price and physical gold postal delivery. This study will also identify the form of qabd application in transactions that occur. The research methodology used is through literature review and document content analysis through data obtained from journals, scientific articles and books related to Islamic finance in gold transactions. This study found that the application of qabd in buying and selling transactions needs to exist in the form of a clear application of qabd hukmiy and conform to the justification of qabd itself with the purpose of handing over property rights and disposal rights. The implication of this study is the need for a parameter that is monitored on this contemporary gold transaction to ensure clear Shariah compliance so that there is no element of doubt associated with the element of usury.</i></p> <p>Keywords: <i>Physical, Digital, Gold, Qabd, Riba al-Nasiah.</i></p> |
| Abstrak | <p><i>Emas digital menerusi akaun emas semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat umum. Terdapat banyak syarikat emas seperti Public Gold, KAB Gold, YaPEIM, Quantum Metal serta pihak perbankan Islam juga menawarkan emas digital menerusi akaun emas seperti Islamic Gold Account-I (Maybank Islamic), Gold Account-I (Kuwait Finance House), Muamalat Gold-i (Bank</i></p> |

Muamalat) dan Emas-i Account (Affin Islamic). Namun, dalam memastikan transaksi jual beli emas sama ada emas fizikal atau emas digital, ia mestilah selari dengan garis panduan yang perlu dipatuhi untuk memastikan transaksi tersebut tidak berlaku unsur riba dan juga gharar. Ini kerana emas merupakan barangan ribawi mempunyai ciri khusus dalam transaksi bagi mengelakkan unsur riba al-fadl mahupun riba al-nasiah. Permasalahan apabila transaksi dalam talian (online) seperti simpanan emas digital dan juga kunci harga (lock price) dan serta penghantaran pos emas fizikal perlu melihat kepada aplikasi qabd secara jelas bagi mengelakkan isu bertangguh yang membawa kepada riba al-nasiah yang diharamkan. Timbul persoalan bahawa adakah telah berlaku qabd bagi mengelakkan wujudnya riba an-nasiah dalam semua urusan transaksi tersebut dan apakah bentuk aplikasi qabd yang berlaku. Sehubungan itu, artikel ini akan mengkaji aplikasi qabd dalam isu-isu kontemporari yang melibatkan transaksi jual beli emas iaitu transaksi dalam talian (online) seperti simpanan emas digital dan juga kunci harga (lock price) dan serta penghantaran pos emas fizikal. Kajian ini juga akan mengenal pasti bentuk aplikasi qabd dalam transaksi yang berlaku. Metodologi kajian yang digunakan adalah melalui kajian kepustakaan dan analisis kandungan dokumen menerusi data-data yang diperolehi dari jurnal, artikel ilmiah dan buku-buku yang berkaitan dengan kewangan Islam dalam urus niaga emas. Kajian ini mendapati aplikasi qabd dalam transaksi jual beli mesti mestilah wujud dalam bentuk aplikasi qabd hukmiy yang jelas serta menepati justifikasi qabd itu sendiri dengan maksudnya serahan hak milik dan hak tasarruf. Implikasi dari kajian ini ialah perlunya wujud satu parameter yang dipantau ke atas urus niaga emas kontemporari ini bagi memastikan kepatuhan syariah yang jelas agar tiada sebarang unsur keraguan yang dikaitkan dengan unsur riba.

Kata kunci: *Emas, Fizikal, Digital, Qabd, Riba al-Nasiah.*

PENDAHULUAN

Jual beli emas di Malaysia semakin mendapat perhatian dari kalangan masyarakat kerana ia merupakan satu pelaburan selain barang kemas emas yang disimpan dan dijadikan perhiasan oleh wanita. Terdapat beberapa bank yang menawarkan skim berbentuk simpanan pelaburan emas seperti Maybank, Public Bank, Citibank dan Kuwait Finance House. Transaksi jual beli emas ini semakin mendapat tempat apabila ia dikaitkan dengan sejarah penggunaan dinar emas pada zaman Nabi Muhammad SAW yang lebih kukuh nilainya berbanding penggunaan wang fiat yang terdedah dengan inflasi.

Urus niaga emas di masa kini bukan hanya sahaja dimiliki dengan menyimpan sendiri fizikal emas yang dibeli. Emas kini mempunyai platform akaun simpanan yang mana transaksi melibatkan emas digital antara syarikat atau pihak bank selaku pihak yang menawarkan emas digital untuk disimpan ke dalam akaun khas emas kepada pembeli atau pelanggan mereka. Emas digital bermaksud kerana pelanggan hanya akan memiliki kod atau no akaun simpanan emas mereka yang akan memaparkan nilai semasa emas yang telah terkumpul sama ada emas jenis 999 atau 916 bergantung kepada pihak syarikat atau bank yang menawarkan.

Secara realitinya, emas adalah barang *ribawi* yang terdedah kepada unsur riba dari sudut bertangguh ialah riba *al-nasiah* yang mesti dijaga dalam transaksi yang dilakukan. Transaksi barang *ribawi* adalah lebih ketat berbanding transaksi *bay' mutlaq* (jualan biasa). Transaksi barang *ribawi* mestilah secara tunai, tidak boleh bertangguh, ansuran dan juga bukti serahan milik atau *qabd* berlaku dengan pasti. Dalam keghairahan penyimpanan atau pembeli emas, tidak semua yang peka atau tahu hal ini melainkan mereka yang mendapatkan ilmu muamalat yang berkaitan. Permasalahan yang dibangkitkan ialah adakah dengan paparan jumlah emas di dalam akaun simpanan emas masing-masing merupakan bukti telah berlakunya *qabd* dalam transaksi jual beli emas digital tersebut?

Ini kerana pelanggan tidak memegang emas secara fizikal. Apa yang berlaku ialah hanya angka digital dan kemudian pelanggan melakukan urusan ke atasnya sama ada untuk dikeluarkan secara fizikal berdasarkan set-set produk emas yang ada, dipajak, atau dijual semula bagi mendapatkan wang tunai yang akan dikreditkan ke dalam akaun bank.

KEDUDUKAN QABD DALAM TRANSAKSI JUAL BELI EMAS

Qabd adalah satu pengiktirafan terhadap seseorang untuk menguasai dan melakukan tasarruf terhadap sesuatu barangan tanpa sebarang halangan 'urf atau adat hakiki (al-Kasaniyy, 2003). Apabila berlakunya *qabd*, maka secara rasminya ia melambangkan tindakan seseorang untuk mendapatkan sesuatu harta. Harta tersebut walaupun tidak dapat diperolehi dengan tangan kerana tidak boleh dipegang secara hakiki seperti tanah, namun tanah tersebut boleh menjadi hak milik seseorang apabila dikuasai, diuruskan dan dijadikan milik penerima harta tersebut (Nazih Hammad, 2001).

Kedudukan *qabd* dalam transaksi jual beli emas merupakan syarat khas yang melibatkan barangan *ribawi*. Malah dalam jual beli, kedua-dua pihak yang berakad mestilah saling memberikan *qabd* atau *taqabudh* bagi memastikan berlakunya proses jual beli yang sah dan tidak wujud unsur bertangguh di sebelah pihak. *Qabd* boleh dimaksudkan dengan serahan secara hakiki atau pun menerusi kaedah muhtabar yang boleh menggantikan penyerahan hakiki iaitu *qabd hukmiy* seperti berpindah *dhaman* (tanggungjawab jaminan) daripada penjual kepada pembeli serta kemampuan pembeli untuk mendapatkan barang beliannya pada bila-bila masa tanpa ada sebarang halangan (JAKIM, 2011).

Qabd adalah sebagai bukti satu pihak tersebut telah menyerahkan miliknya kepada satu pihak yang lain. Ia mestilah berlangsung dalam satu majlis bagi *taqabudh* kedua-dua pihak yang melakukan transaksi jual beli sama ada majlis secara fizikal atau secara dalam talian (*online*). Sekiranya melibatkan transaksi dalam talian, maka perincian transaksi mestilah jelas dan menunjukkan sama butiran yang diterima oleh kedua-dua pihak sekalipun berbeza zon masa namun masih lagi dalam satu majlis yang berlangsung. Tujuan *qabd* sama ada hakiki atau *hukmiy* adalah sebagai bukti pengalihan milikan telah berlaku (Mohamad Syahir, Salmy & Azlin, 2017).

QABD SYARAT ASAS DALAM TRANSAKSI JUAL BELI EMAS

Emas dikategorikan sebagai barang *ribawi* yang disebutkan secara zahir dalam hadis Rasulullah SAW selain perak, gandum, barli, tamar dan garam. Urus niaga yang melibatkan item *ribawi* mempunyai garis panduan khas yang dinyatakan sendiri oleh Rasulullah SAW bagi mengelakkan berlakunya riba sama ada riba bentuk pertambahan iaitu *riba al-fadl* dan juga berbentuk bertangguh iaitu *riba al-nasiah*.

Jika urus niaga emas melibatkan pertukaran yang sama 'illah item *ribawi* dan sama jenisnya iaitu urus niaga emas dengan emas, maka urus niaga tersebut mestilah memelihara tiga garis panduan berikut:

1. *Tamathul* atau sama pada sukatan, timbangan atau bilangan seperti menjual emas seberat 10 gram maka mesti ditukar dengan emas 10 gram juga.
2. *Taqabud* atau penyerahan kedua-dua barang tersebut di dalam satu majlis iaitu sebelum berpisah daripada majlis akad tersebut. Sekiranya berlaku penyerahan sebahagian barang maka sepakat ulama bahawa baki yang tidak berlaku serahan adalah terbatal. Adapun barang yang telah diserahkan di dalam majlis maka para ulama berbeza pandangan kepada dua pandangan iaitu majoriti ulama' menyatakan sah pada sebahagian barangan yang telah diserahkan namun sebahagian lagi yang belum diserahkan adalah terbatal. Manakala pandangan kedua pula menyatakan terbatal seluruh akad (Ibn Rushd, t. th).
3. *Hulul* atau dalam keadaan tunai. Sebarang syarat yang menyebabkan berlakunya pertangguhan adalah tidak diterima. Syarat *khiyar* juga tidak diterima kerana *khiyar* membawa kepada penangguhan (Ibn Qudamah, 1997 & al-Kasaniyy, 2010).

Tiga garis panduan yang dinyatakan di atas berhujah dengan hadis dari Abu Sa'id al-Khudri yang meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda :

{الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ مِثْلًا بِمِثْلٍ يَدًا بِيَدٍ فَمَنْ زَادَ أَوْ اسْتَرَادَ فَقَدْ أَرَبَى الْآخِذُ وَالْمُعْطِي فِيهِ سَوَاءٌ }

Maksudnya: (Pertukaran) Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar, dan garam dengan garam, dalam keadaan sama sukatan dan tunai, maka sesiapa yang menambah atau meminta untuk dilebihkan maka dia telah melakukan riba, maka orang yang mengambil riba dan memberi riba mereka adalah sama (dosa mereka). (Hadis. Muslim. Kitab al-Musaqah. Bab al-Sarf wa Bay' al-Dzahab bi al-Waraq Naqdan. 1584).

Dan juga dari hadis lain oleh Abu Sa'id al-Khudri juga yang meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda :

{لَا تَبِيعُوا الذَّهَبَ بِالذَّهَبِ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ وَلَا تَشْتَفُوا بَعْضَهَا عَلَى بَعْضٍ. وَلَا تَبِيعُوا الْوَرَقَ بِالْوَرَقِ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ وَلَا تَشْتَفُوا بَعْضَهَا عَلَى بَعْضٍ. وَلَا تَبِيعُوا مِنْهَا غَائِبًا بِنَاجِزٍ }

Maksudnya: "Jangan kamu menjual emas dengan emas melainkan sama banyak, dan jangan kamu lebihkan sebahagian ke atas sebahagian. Dan jangan kamu menjual perak dengan perak melainkan sama banyak dan jangan kamu lebihkan sebahagian ke atas sebahagian yang lain. Dan jangan kamu menjual daripadanya (barangan yang mempunyai unsur riba) sebahagian dalam keadaan ghaib dengan tunai (tidak menerima kedua-dua barang di dalam satu majlis)". (Hadis. Muslim. Kitab al-Musaqah. Bab al-Riba. 2972).

Namun, jika urusan niaga emas melibatkan pertukaran yang sama 'illah item ribawi tetapi berbeza jenisnya iaitu urusan niaga emas dengan perak, maka urusan niaga tersebut mestilah memelihara dua garis panduan sahaja iaitu :

1. *Taqabud* atau penyerahan kedua-dua barang tersebut di dalam satu majlis iaitu sebelum berpisah daripada majlis akad tersebut.
2. *Hulul* iaitu dalam keadaan tunai. Sebarang syarat yang menyebabkan berlakunya pertanggunghan adalah tidak diterima. Syarat *khiyar* juga tidak diterima kerana *khiyar* membawa kepada penangguhan.

Dua garis panduan ini berhujahkan hadis dari 'Ubadah bin al-Samit yang meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda :

{الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ مِثْلًا بِمِثْلٍ سَوَاءً بِسَوَاءٍ يَدًا بِيَدٍ . فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ فَبِيعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ }

Maksudnya: "Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar, dan garam dengan garam, dalam keadaan sama banyak dan tunai (terima di dalam satu majlis). Maka apabila berbeza jenisnya maka berjual belilah mengikut kehendak kamu dalam keadaan tunai". (Hadis. Muslim. Kitab Musaqaah. Bab al-Nahyi 'an Bay' al-Wariq. 1587).

Dalam satu riwayat yang lain, Rasulullah SAW bersabda :

{لَا بَأْسَ بِبَيْعِ الذَّهَبِ بِالْفِضَّةِ وَالْفِضَّةِ أَكْثَرُهُمَا يَدًا بِيَدٍ، وَأَمَّا النَّسِئَةُ فَلَا. وَلَا بَأْسَ بِبَيْعِ الْبُرِّ بِالشَّعِيرِ وَالشَّعِيرُ أَكْثَرُهُمَا يَدًا بِيَدٍ، وَأَمَّا النَّسِئَةُ فَلَا }

Maksudnya: "Tidak mengapa menjual emas dengan perak dalam keadaan perak tersebut lebih banyak, secara tunai, sekiranya bertempoh maka tidak boleh. Dan tidak mengapa menjual gandum dengan barli dalam keadaan barli tersebut lebih banyak dalam keadaan

tunai, namun sekiranya secara bertempoh maka tidak boleh". (Hadis. Abu Dawud. Kitab al-Buyu'. Bab fi al-Sarf. 3349)

Sekiranya pertukaran antara emas yang sifat elok dengan emas yang sifat kurang elok atau jongkong emas dengan emas yang telah dibentuk maka syaratnya tetap tiga iaitu sama (*tamathul*) pada timbangan atau nilai, penyerahan (*taqabud*) kedua-dua barang dalam satu majlis dan dalam keadaan tunai (*hulul*). Justeru, sifat emas yang berbeza dalam keadaan baik atau kurang elok tidak mengubah garis panduan jual beli barang *ribawi* kerana berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah dan Abu Sa'id bahawa Rasulullah SAW menghantar seorang lelaki pergi ke Khaibar, kemudian lelaki tadi pulang dari Khaibar dan menunjukkan kepada Baginda SAW buah kurma yang elok, lalu Baginda SAW bersabda :

{ " أَكَلْتُ تَمْرَ حَيْبَرَ هَكَذَا ؟ " قَالَ : لَا وَاللَّهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا لَنَأْخُذُ الصَّاعَ بِالصَّاعَيْنِ ، وَالصَّاعَيْنِ بِالثَّلَاثَةِ ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " فَلَا تَفْعَلْ بِعِ الْجُمُعِ بِالذَّرَاهِمِ ثُمَّ اشْتَرِ بِالذَّرَاهِمِ جَنِينًا }

Maksudnya: "Adakah semua tamar di Khaibar seperti ini? Dia menjawab : Tidak. Tetapi kami menukar satu gantang tamar (yang elok) dengan dua gantang (yang kurang elok) dan dua gantang (yang elok) dengan tiga gantang (yang kurang elok). Rasulullah bersabda : Jangan lakukan sedemikian. Jual keseluruhannya dengan dirham kemudian beli tamar yang baik dengan wang tersebut". (Hadis. al-Bukhariy. Kitab al-Wakalah. Bab al-Wakalah fi al-Sarf wa al-Mizan. 2180).

Hadis di atas jelas menunjukkan bahawa perbezaan sifat pada barang *ribawi* yang sama jenis barang dan *'illah* tidak boleh dijadikan helah untuk mendapatkan pertambahan kerana pertambahan tersebut merupakan riba *fadl*. Dalam satu hadis yang diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda :

{ الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ تَبْرَهُمَا وَعَيْنُهَا وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ تَبْرَهُمَا وَعَيْنُهَا }

Maksudnya: "Emas dengan emas dalam keadaan ditempa atau zatnya (mata emas) dan begitu juga perak dengan perak dalam keadaan ditempa atau zatnya (mata perak)". (Hadis. al-Nasa'iyy. Kitab al-Buyu'. Bab Bay' al-Sha'ir bi al-Sa'ir. 4563; Abu Dawud. Kitab al-Buyu'. Bab al-Sarf. 3349).

Menurut riwayat yang lain pada lafaz yang berbeza, Baginda SAW bersabda :

{ جَيْدُهَا وَرَدِيئُهَا سَوَاءٌ }

Maksudnya: "Sifat yang elok dan kurang elok sama sahaja". (Hadis. al-Nasa'iyy. Kitab al-Buyu'. Bab Bay' al-Sha'ir bi al-Sa'ir. 4563; Abu Dawud. Kitab al-Buyu'. Bab al-Sarf. 3349)

Justeru, urusan niaga emas yang melibatkan pertukaran dengan wang kertas di zaman ini, terpakai ke atas urusan niaga ini sebagaimana garis panduan yang melibatkan item *ribawi* yang sama *'illah* dan jenisnya iaitu mesti *tamathul*, berlaku *taqabudh* dalam satu majlis dan *hulul* iaitu secara tunai atau *lani*. Ini berdasarkan kepada keputusan dari *Majma' Fiqh al-Islami al-Duwali* pada tahun 1986 resolusi no. 21 bahawa wang kertas juga termasuk dalam konteks item *ribawi* meskipun tidak dibuat daripada emas dan perak (al-Zuhailiyy, 2002). Pandangan ini juga turut dinyatakan oleh serta para sarjana Islam kontemporari antaranya al-Qardawiyy (2006) dan al-Zuhailiyy (2010).

Menurut keputusan *Majma' al-Fiqh al-Islami* bahawa wang kertas mempunyai *'illah* yang bersifat matawang (*thamaniyyah*). Oleh itu, hukum mengenyainya tertakluk seperti hukum yang dikenakan ke atas emas dan perak iaitu berkaitan hukum riba, kewajipan zakat, jual beli secara *al-salam* dan lain-lain hukum yang melibatkan emas dan perak. Al-Masri (2001) menyatakan bahawa pandangan sedemikian adalah juga sebagaimana kefahaman dari keputusan yang dilakukan oleh Umar al-Khattab pada

zaman pemerintahannya. 'Umar al-Khattab bercadang untuk menjadikan kulit kerbau sebagai matawang, tetapi beliau membatalkan hasratnya kerana dikhuatiri akan berlaku pinjam-meminjam kerbau lalu ia akan membawa kepada riba. Ini bererti, 'Umar melihat apa sahaja yang dijadikan matawang walaupun selain emas dan perak, hukum riba masih tetap ada padanya (Zaharuddin, 2010).

Jelas *qabd* dari kedua-dua pihak iaitu taqabudh merupakan syarat asas dalam garis panduan transaksi emas manakala *tamathul* (sama berat timbangan) pula apabila pertukaran yang berlaku melibatkan sama jenis sahaja. Di sinilah, elemen *qabd* bagi memastikan transaksi emas yang berlaku tidak wujud unsur bertanggung yang boleh membawa kepada riba *al-nasiah*. Kedudukan *qabd* dalam transaksi jual beli emas adalah untuk membuktikan wujudnya serahan milik emas kepada pembeli dan dalam masa yang sama serahan bayaran oleh pembeli dengan bayaran penuh kepada penjual. *Qabd* atau *taqabudh* ini melambangkan kewujudan emas dan tidak wujud bertanggung dalam transaksi yang berlaku. Ini adalah telus bagi memastikan transaksi emas ataupun emas digital yang dijalankan pada masa kini bukan sekadar atas angin atau hanya sekadar angka digital.

ANALISIS QABD DALAM ISU-ISU KONTEMPORARI TRANSAKSI JUAL BELI EMAS Kunci Harga (Lock Price)

Antara kaedah popular pembelian emas ialah kunci harga atau *lock price*, maka perlu dipastikan beza antara konsep *wa'd* dengan akad. Ini kerana *wa'd* iaitu janji belum lagi berlaku akad. *Lock price* adalah diharuskan kerana tidak berlakunya unsur bertanggung kerana belum wujud akad lagi. Hanya *wa'd* tadi adalah atas konsep sukarela dan belum berlaku pindah milik lagi. Dalam masa yang sama, pihak penjual yang bersetuju dengan *wa'd* menerusi konsep *lock price* mestilah pihak yang sudah memiliki bekalan emas, bukannya secara atas angin begitu sahaja bagi mengelakkan syubhah dan unsur riba secara tidak langsung (Muhamad Zuhaili, 2021). Mohd Noor Azman (2014) menegaskan *lock price* mestilah pada dasar janji bukan kedua-dua pihak agar tidak mengikat (*binding*) iaitu *muwa'adah* kerana menyerupai unsur akad. Oleh itu, Aznan (2008) menjelaskan jika dua janji boleh namun tidak mengikat, dinamakan sebagai *wa'dan*. Kedua-dua pandangan ini adalah tidak mahu janji tersebut menyerupai pada akad yang akhirnya membawa isu bertanggung yang dilarang dalam transaksi jual beli emas.

Namun demikian, sama ada *wa'd*, *muwa'adah* atau *wa'dan* kesemuanya tidak membentuk akad secara hakikat, hanya perbezaan kesan dan implikasi dari sudut janji yang diberikan sahaja. Malah ia tidak membentuk akad kerana janji tidak membawa kepada *qabd* iaitu serah milik (Muhamad Zuhaili, 2021). Hasilnya, selama mana janji maka ia tidak menjadi akad kerana tidak berlaku serah milik atau *qabd* lagi. Dalam masa yang sama, penjual sama ada syarikat atau bank mestilah memiliki bekalan stok emas yang fizikal dalam stor atau tempat khusus mereka, kerana mereka mesti menawarkan emas yang sedia ada dalam hak milik mereka, bukannya jualan atas angin atau mengambil tempahan, kerana tempahan membentuk akad.

Standard Syariah AAOIFI (2016) dalam garis panduan standard syariah yang dikeluarkan mengenai emas telah menetapkan bahawa *lock price* adalah dibenarkan jika bayaran yang dibuat adalah sebagai janji untuk membeli yang berdasarkan konsep '*hamish jiddiyah*' (wang jaminan) dan ia tidak berlaku akad atau kontrak pembelian semasa kunci harga. Terbentuknya akad jual beli emas adalah pada waktu berlakunya serahan emas dan duit bayaran penuh yang diberikan oleh pembeli. Jika semasa *lock price* dilakukan, terdapat bayaran awal yang dikira sebagai bayaran secara ansuran, maka ia tidak dibenarkan kerana termasuk dalam transaksi jual beli emas secara bertanggung yang bercanggah garis panduan transaksi jual beli emas dalam Islam. Perbezaan bagi setiap *wa'd*, *muwa'adah* dan *wa'dan* dapat dijelaskan menerusi Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah ini.

Jadual 1. Perbezaan antara *Muwa'adah*, *Wa'd* Dan *Wa'dan* dari Sudut Kesan dan Implikasi

| Kesan \ Jenis | <i>Muwa'adah</i> | <i>Wa'd</i> | <i>Wa'dan</i> |
|---------------------------|------------------|-------------|---------------|
| Satu janji | - | Ya | - |
| Dua janji | Ya | - | Ya |
| Satu syarat | Ya | Ya | - |
| Dua syarat | - | - | Ya |
| Mengikat antara dua pihak | Ya | - | - |
| Tidak mengikat dua pihak | - | Ya | Ya |

Sumber : Muhamad Zuhaili (2021)

Jadual 2. Perbezaan antara Janji (*Wa'd*, *Muwa'adah* atau *Wa'dan*) dengan *Qabd*

| Perbezaan | Janji (<i>Wa'd</i> , <i>Muwa'adah</i> atau <i>Wa'dan</i>) | <i>Qabd</i> |
|-------------------|---|---|
| Lafaz dan bentuk | Melibatkan perkara akan datang. | Melibatkan waktu sekarang. |
| Pelaksanaan | Akad belum terlaksana sehingga pada masa dan waktu yang disepakati jika tiada pembatalan atau kemungkiran. | <i>Qabd</i> berasaskan akad yang dimeterai. |
| Penyerahan barang | Tidak berlaku serah milik atau jaminan tanggungjawab apa-apa kepada pihak kedua. | Berlaku penyerahan hak milik secara hakikat atau secara kaedah muktabar iaitu jaminan tanggungjawab dan kuasa untuk urus pada tanpa halangan. |
| Liabiliti | Sekiranya tidak dibayar tidak dianggap hutang. Hanya boleh jadi caj kerugian yang dikenakan sekiranya wujud kerugian. | Sekiranya tidak dibayar dianggap hutang. |
| Implikasi | Tiada sebarang pindah milik begitu juga hutang. | Selagi tidak wujud <i>qabd</i> sama ada hakikat atau hukmiy, maka akad tidak sah dan boleh jadi hutang. |

Sumber : Pengkaji (2022)

Belian Dalam Talian (*Online*)

Pembelian emas dalam talian (*online*) mestilah juga memenuhi syarat-syarat dalam garis panduan transaksi jual beli emas. Yang membezakan dalam talian (*online*) ialah situasi "satu majlis" ketika akad sedang berlangsung. Diterima maksud "satu majlis" jika tidak wujud penangguhan sama ada rakaman atau terputusnya talian internet ketika sedang melakukan transaksi. Transaksi dalam talian (*online*) mestilah dibuktikan dengan keberadaan langsung pembeli dan penjual menerusi informasi transaksi yang jelas menyatakan masa, tarikh, barangan yang dibeli dan bayaran yang dipindahkan.

Zulkifli al-Bakri (2018) menjelaskan dalam isu transaksi emas dalam talian (*online*) bahawa satu ketetapan dari Majlis Majma' al-Fiqh al-Islami bagi Rabitah al-Alam al-Islami kali ke-11 yang bersidang di Makkah pada tahun 19-26 Februari 1989H telah

membincangkan isu *taqabudh* hakiki dan *hukmiy* dan memutuskan bahawa dokumentasi transaksi dalam bentuk resit dan rekod akaun boleh diterima sebagai salah satu bentuk *taqabudh* yang sah dan diterima dalam Islam. Justeru, apabila emas tersebut sudah didepositkan ke dalam akaun pembeli dan direkodkan di dalam sistem dan resit, yang mana pembeli boleh bila-bila masa, mengeluarkan emas tersebut dengan kuantiti berdasarkan dalam majlis akad atau kontrak, maka penyerahan sudah dianggap sempurna. Maka sah akad transaksi jual beli emas secara dalam talian (*online*) jika meraikan syarat ini.

Perpindahan milikan yang berlaku mestilah perpindahan sepenuhnya beserta risiko. Sehubungan itu, walaupun berlakunya *qabd hukmiy* ia mestilah membuktikan wujudnya pemindahan pemilikan secara penuh kepada pembeli walaupun pemilikan tersebut secara fizikal tidak berlaku dan pembeli belum menerima barang secara fizikal (Mohamad Syahir & et. al, 2017). Menurut Mohd Bahroddin (2015), perpindahan milikan secara penuh menunjukkan perpindahan tanggungjawab. Ini dapat dibuktikan sekiranya berlakunya risiko seperti kehilangan, maka kerugian ditanggung oleh pembeli walaupun fizikal barang tersebut tidak berada pada pembeli. Tanggungan kerugian ini bermula ketika akad dilakukan.

Selain itu, jualan emas secara dalam talian (*online*), penjual mestilah memiliki stok emas yang dijual. Ia sebagai bukti emas jualan tersebut wujud dan mudah didapati dari syarikat pembekal emas. Jika barang tersebut sukar didapati dalam masa yang sama penjual telah pun mengambil wang bayaran pembeli sebagai wang wadi'ah, maka telah wujud salah satu unsur elemen *gharar* dalam jual beli (Zaharuddin 2009; al-Zuhaili, 2004). Malah jika ketiadaan stok bekalan emas, jualan secara dalam talian (*online*) akan wujud unsur bertangguh selain *gharar*. Oleh itu, sudah menjadi tanggungjawab bagi pihak penjual untuk memastikan terlebih dahulu prestasi sesebuah syarikat pembekal emas sebelum mendaftarkan diri sebagai agen atau stokis.

Emas Digital Dalam Akaun Simpanan Emas

Emas digital ialah emas yang dijual kepada pelanggan atau pembeli tanpa serahan emas secara fizikal namun pembeli memiliki emas berdasarkan berat emas yang direkodkan dalam satu akaun khas simpanan. Rekod pemilikan emas digital dipaparkan menerusi akaun khas simpanan emas tersebut sebagai bukti. Malah setiap transaksi yang berlaku juga akan dicatatkan sebagaimana rekod transaksi yang melibatkan simpanan wang di bank-bank (Lokmanul Hakim & et. al, 2012).

Emas digital boleh dikeluarkan dalam bentuk emas fizikal oleh pembeli mengikut berat yang ada atas kemahuan pembeli. Hari ini banyak syarikat emas yang menawarkannya dan antara yang awal ialah syarikat Public Gold menerusi Gold Accumulation Program kemudian syarikat-syarikat emas yang lain. Selain itu, bank-bank juga menawarkan simpanan akaun emas juga seperti Bank Muamalat, Affin Bank, Maybank Islamic dan Kuwait Finance House. Namun, tidak semua akaun simpanan emas mendapat pengiktirafan patuh syariah.

PRODUK SIMPANAN EMAS PATUH SYARIAH

| Syarikat | Produk |
|--|---|
|   YAPEIM | SERY – Akaun Emas YAPEIM |
|  | Islamic Gold Account-I (MIGA-i) |
|   | Gold Savings Account Gold Advance Gold Leverage |
|  | Gold Account-I |
|  | Muamalat Gold-i |
|  | Gold Accumulation Account (GAP) |
|  | Gold Savings Account (Mobile App) |
|  | Gold Savings Account (Mobile App) |
|  | Emas-i Account |

Gambar Rajah 1: Senarai Produk Simpanan Emas Patuh Syariah (Ustaz Lariba, 2021)

Dalam transaksi jual beli emas digital ini, *qabd* yang berlaku ialah *qabd hukmiy* di mana bukti transaksi akan dikeluarkan oleh syarikat emas atau pihak bank sebagai penjual yang memaparkan info lengkap emas yang dibeli iaitu jenis emas, berat emas, harga emas semasa pembelian dan rekod simpanan. Dengan itu, rekod pembelian akan dipaparkan menerusi skrin paparan digital dan seterusnya pembeli memiliki hak urus hartanya itu iaitu emas bagi tujuan simpanan, pengeluaran atau jualan semula, malah mungkin ada yang menyediakan urusan pajak gadai sebagaimana yang terdapat dalam perkhidmatan Public Gold menerusi *Gold Accumulation Program (GAP)* yang ditawarkan.

Bukti pembelian yang direkodkan merupakan *qabd* yang melambangkan serahan milik telah berlaku secara sah dan diiktiraf. Selain itu, sama seperti transaksi jual beli emas yang lain seperti *lock price* atau secara fizikal dalam talian, asas yang penting ialah syarikat emas mestilah memiliki emas yang ditawarkan dalam bekalan stok. Jika penjual emas tidak memiliki bekalan stok emas akan wujud *gharar* dan berlakunya unsur bertanggung yang diharamkan oleh Islam dalam transaksi yang melibatkan barang *ribawi*.

| Bekalan Stok Emas | Rekod Bukti Transaksi Secara Terperinci | Hak <i>Tasarruf</i> Oleh Pembeli | Status | Isu Syariah |
|-------------------|---|----------------------------------|---------------------|--------------------------|
| Ada | Ada | Ada | Patuh Syariah | Tiada isu |
| Ada | Tiada | Tiada | Tidak Patuh Syariah | Tiada <i>Qabd Hukmiy</i> |
| Ada | Ada | Tiada | Tidak Patuh Syariah | Tiada <i>Qabd Hukmiy</i> |
| Ada | Tiada | Ada | Tidak Patuh Syariah | Tiada <i>Qabd Hukmiy</i> |
| Tiada | Ada | Ada | Tidak Patuh Syariah | <i>Gharar</i> |
| Tiada | Tiada | Ada | Tidak Patuh Syariah | <i>Gharar</i> |
| Tiada | Ada | Tiada | Tidak Patuh Syariah | <i>Gharar</i> |

Jadual 3. Kriteria Patuh Syariah Dalam Transaksi Jual Beli Emas Digital dalam talian (*online*)

Pembelian Emas Fizikal Secara Pos

Pembelian emas fizikal yang dihantar menerusi pos dilihat seperti berlakunya bertanggung. Ini kerana pelanggan tidak mendapat terus tetapi berdasarkan ketetapan hari penghantaran yang dilakukan mengikut SOP yang dikeluarkan oleh pihak penjual. Sekiranya pembelian emas fizikal di kaunter dalam satu majlis tidak menjadi isu kerana jelas aplikasi *qabd* yang berlaku secara hakiki. Namun, pembelian emas fizikal sama ada di kaunter atau dalam talian (*online*) secara penghantaran menerusi pos maka di sini perlu dilihat aplikasi *qabd* yang berlaku bagi mengelakkan wujudnya unsur bertanggung yang membawa kepada riba *al-nasiah* yang diharamkan.

Dalam isu *qabd* dalam penghantaran emas fizikal menerusi pos ini terdapat 3 kaedah yang dicadangkan oleh Mohamad Syahir & et. al, (2017) iaitu:

- i. Berlakunya *wadi'ah yad dhamanah* di peringkat awal dengan pembeli menandatangani jumlah bayaran ke dalam akaun penjual. Seterusnya berlaku ijab kabul dilaksanakan selepas pembeli menerima informasi lengkap emas melalui telefon. Risiko kehilangan emas ditanggung oleh penjual sehingga penghantaran berlaku.
- ii. Berlaku *wadi'ah yad dhamanah* dengan pembeli memasukkan jumlah bayaran ke dalam akaun penjual. Cuma bezanya kali ini pembeli mewakilkan kepada seseorang lain yang menjadi wakil rasminya untuk melakukan akad dengan penjual dalam keadaan satu majlis fizikal. Selepas akad, maka berlaku penghantaran pos. Risiko ditanggung oleh pembeli kerana akad telah terbentuk antara penjual dengan wakil kepada pembeli.
- iii. Pembeli menandatangani bayaran wang belian ke dalam akaun penjual sebagai *wadi'ah yad dhamanah* dan penjual mengeluarkan resit rasmi beserta berat dan nombor siri jongsong emas secara serta-merta melalui dalam talian. Oleh yang demikian, pembeli dianggap telah melakukan *qabd* secara *hukmiy*. Seterusnya, emas diposkan. Risiko kehilangan ditanggung oleh pembeli (Ahmad Sufian dan Mohammad Badruzzaman 2015).


Cadangan daripada Azman (2014) dalam hal ini iaitu pembeli menggunakan akad *wakalah* (melantik wakil) seperti mewakilkan kepada seseorang yang dipercayai olehnya dan memasukkan jumlah bayaran ke dalam akaun khas kepada penjual sebagai amanah. Dengan izin dari pembeli dan makluman kepada penjual, emas yang telah dibeli menerusi akad antara wakil penjual dengan penjual, emas diserahkan kepada wakil tersebut mengikut cara dan masa yang dikehendaki. Maklumat lengkap pembelian mesti selari dengan kehendak pembeli. Dalam kaedah ini juga risiko kehilangan emas di tangan wakil untuk sampai kepada pembeli adalah ditanggung oleh pembeli.

Cadangan kaedah-kaedah di atas sebelum ini menunjukkan bahawa telah berlakunya *qabd* dengan risiko kehilangan adalah di bawah tanggungjawab pembeli. Ini kerana *qabd* telah berlaku dengan berpindahnya milik dan tanggungan liabiliti atau risiko sekalipun kaedah-kaedah yang berbeza. Pada pemerhatian pengkaji, di zaman teknologi semakin maju dan memudahkan banyak urusan menerusi pembelian dalam talian (*online*), kaedah yang disebutkan sebelum ini menerusi cadangan Azman (2014) sebelum ini agak rigid malah menjadi kepayahan melainkan pembeli dan penjual memang berada pada tempat yang berdekatan. Kaedah yang boleh dilaksanakan ialah :

- i. Pembeli menyatakan persetujuan emas yang ingin dibeli dari sudut jenis, berat dan harga semasa.
- ii. Penjual memastikan bahawa produk emas yang ingin dibeli tersebut wujud dari sudut stok bekalan sekali pun tidak berada di tangan, yang penting penjual wakil rasmi syarikat emas dan emas wujud dalam stok bekalan. Jika tidak, akan berlaku *gharar* yang dilarang.
- iii. Pembeli membuat bayaran menerusi transaksi dalam talian dengan bayaran penuh. Serahan *qabd* dari pembeli telah berlaku.

- iv. Dalam masa yang sama, masih dalam talian (*online*), penjual atau syarikat penjual mengeluarkan satu resit transaksi yang lengkap dengan butiran emas dibeli bagi pengesahan *qabd hukmiy* berlaku kepada pembeli.
- v. Dari sudut kaedah penghantaran secara pos, pembeli sendiri mewakili semula kepada penjual untuk diuruskan, di sini berlakunya akad wakalah dari sudut pengurusan. Jika melibatkan caj perkhidmatan perlu dinyatakan secara kos sebenar dan ia termasuk dalam *wakalah bil ujah* (melantik wakil dengan diberikan upah).
- vi. Adapun dari sudut risiko kehilangan, maka tiada masalah perkhidmatan pos yang dibuat oleh wakil menjamin dengan caj "*takaful*" (jaminan perlindungan) ke atas barangan penghantaran mengikut standard prosedur yang sedia ada. Selagi dalam SOP penghantaran syarikat emas maka risiko di bawah jaminan wakil iaitu syarikat penjual.
- vii. Namun jika selesai SOP penghantaran namun kehilangan berlaku kecuaihan di pihak pembeli seperti tidak menyimpan terus barang emas yang telah sampai dihantar, maka ia di bawah tanggungjawab pembeli sendiri.

Berdasarkan kepada kaedah di atas, aplikasi *qabd* adalah jelas di awal akad transaksi dengan berlakunya *qabd hukmiy*. Dalam masa yang sama pelantikan penjual sebagai *wakalah / wakalah bil ujah* pada konteks penghantaran fizikal emas tersebut sahaja dengan SOP penghantaran yang jelas termasuk jika melibatkan caj perkhidmatan atau caj lain seperti bayaran "*takaful*" sebagai jaminan barangan semasa penghantaran pos. Isu bertangguh telah selesai awal menerusi *qabd* pada akad. Gambar rajah di bawah menerangkan pelaksanaan kaedah yang lebih menepati kehendak semasa dengan memelihara garis panduan transaksi jual beli emas.



Gambar Rajah 2. Kaedah Pelaksanaan Pembelian Emas dan Penghantaran Fizikal Emas ke Pembeli Melalui Pos – Pengkaji (2022)

PENUTUP

Berdasarkan perbincangan di atas mengenai aplikasi *qabd* dalam isu-isu kontemporari transaksi jual beli emas yang melibatkan *lock price*, pembelian dalam talian (*online*), emas digital dalam akaun simpanan emas dan penghantaran fizikal atau produk emas melalui pos menunjukkan *qabd* adalah elemen penting bagi memastikan transaksi yang berlaku benar-benar sah dan tidak timbul isu bertangguh yang menyebabkan berlakunya riba *al-nasiah*. Bentuk *qabd hukmiy* mestilah jelas dengan perincian barangan emas yang berlaku dalam transaksi malah benar-benar wujudnya serah milik kepada pembeli untuk urus atau *tassaruf* emas tersebut kerana ia memilikinya secara penuh.

Sungguhpun begitu, persoalan awal ialah, dalam transaksi emas ini, mesti dipastikan kewujudan emas secara pasti, bukannya tempahan atau jualan “atas angin”. Sekalipun ia tidak berada di kaunter jualan cawangan namun tetap wujud dalam stor bekalan yang dimiliki oleh ibu syarikat penjual. Ini adalah penting dan juga menjadikan transaksi emas patuh syariah. Jika jualan yang berlaku tanpa kewujudan emas yang sebenarnya, maka ia telah berlaku tempahan yang membawa kepada isu bertanggung serta *gharar*. Pihak penjual pula mestilah mereka yang rasmi atau diiktiraf oleh ibu syarikat penjual sebagai wakil jualan mereka kerana tidak boleh menjual benda yang bukan miliknya tanpa ikatan wakil yang sah. Artikel ini juga mencadangkan penambahbaikan dalam beberapa kaedah yang melibatkan isu kontemporari transaksi jual beli emas yang dibincangkan di atas. Jelas dari sudut analisis yang dibuat telah berlaku aplikasi *qabd* yang mematuhi hukum-hakam syariah.

RUJUKAN

Buku

- Ibn Qudamah. 1997. *al-Mughni*. Riyad : Dar ‘Alim al-Kutb.
- Ibn Rushd, Muhammad bin Ahmad, t.th. *al-Muqaddimat al-Mumhidat*. Bayrut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Kasaniyy, al-Imam ‘Ala’ al-Din Abi Bakr Ibn Mas’ud al-Kasaniyy al-Hanafi. 2003. *Badai’ al-Sanai’ Fi Tartib al-Syarai’*. Jil 8. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Misriyy, Rafiq Yunus. 2001. *al-Jami’ fi usul al-Riba*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- Nazih Hammad. 2001. *Qadhaya Fiqhiyyah Mu’asharah Fi al-Mal Wa al-Iqtishad*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- Zaharuddin Abd Rahman. 2009. *Wang, Anda dan Islam: Halal dan Haram Dalam Kewangan Pemandangan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- al-Zuhailiyy, Wahbah. 2004. *al-Fiqh al-Islamiyy wa ‘Adillatuh*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- al-Zuhailiyy, Wahbah. 2010. *al-Muamalat al-Maliah al-Mu’asirah*. Damshiq: Dar al-Fikr

Jurnal

- Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI). 2016. *The AAOIFI Shariah Standard No.57. on Gold and its Trading Controls*.
- Mohamad Syahir Mohamad, Salmi Edawati bt Yaacob & Azlin Alisa bt Ahmad. 2017. *Transaksi Jual Beli Emas Melalui Pemasaran Berbilang Tingkat (Multi Level Marketing) Dalam Islam : Sorotan Literatur*. Journal of Contemporary Islamic Law. Vol 2(1).
- Mohd Faez Mohd Shah & Noor Naemah Abdul Rahman. 2014. *Kepentingan Kaedah Penyelidikan Moden Dalam Fatwa Semasa*. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa. Vol. 4. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhamad Zuhaili Saiman & Ahmad Dahlan Salleh. 2018. *Hukum Pemakaian Kaedah “Lock Price” dalam Urus niaga Emas Fizikal*. UKM : Islamiyyat. Vol 40, No 1. 2018 : 3-13.

Conference & Seminar

- Ahmad Sufian Che Abdullah & Mohammad Badruzzaman Hassan. 2015. *Pelaburan Halal: Isu-Isu Shari’ah Dalam Pelaburan Emas Di Masa Kini*. Proceedings The 2nd International Convention On Islamic Management, 182-190.
- Azman Mohd Noor. 2014. *Halal Dan Haram Dalam Peniagaan Emas*. Kertas Kerja Wacana Kewangan Islam. Anjuran Masjid Hasanah. Bangi. 1 November.
- Aznan Hasan. 2008. *Pengertian al-Wa’d, al-Wa’dan dan al-Muwa’adah*. Kertas kerja. Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Kali Ke-2. Anjuran International Shari’ah Research Academy For Islamic Finance (ISRA). Kuala Lumpur: 27-28 Februari.

- Lokmanul Hakim Hussain, Mohamed Fairouz Abdul Khir, Mohd Bahroddin Badri & Apnizan Abdullah. 2012. *Analisis Syariah Terhadap Produk-produk Pelaburan Emas di Malaysia*. ISRA : International Shariah Research Academy No. 36/2012.
- Muhamad Zuhaili Saiman. 2021. *Implimentasi Muwa'adah dalam Urus niaga Emas Fizikal Secara Easy Payment Purchase (EPP)*. Proceeding of the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021). FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia. 6-7 Oktober 2021.
- Mohd Bahroddin Badri. 2015. *Qabd (Possession): An Overview*. International Shari'ah Research Academy For Islamic Finance (ISRA) Jun: 1-2.

Internet

- Al-Kafi 706 : Hukum Jual Beli Emas Secara Atas Talian Dan Penyerahan Ke Dalam Akaun Pembeli. Lihat : <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2277-al-kafi-706-hukum-jual-beli-emas-secara-atas-talian-dan-penyerahan-ke-dalam-akaun-pembeli> (diakses pada 18hb Februari 2022)
- Jual Beli Emas Melalui "Lock In" Harga Dan Dikenakan Denda Bagi Pembatalan, <https://www.hargaemas.com.my/terkini/jual-beli-emas-melalui-lock-in-harga-dan-dikenakan-denda-bagi-pembatalan/> (diakses pada 17hb Feb 2022)
- Majma' al-Fiqh al-Islami al-Duwali. Bi Sya'ni Ahkam al-Nuqud al-Waraqiyah wa Taghayyur Qimah al-'Umlah. <https://iifa-aifi.org/ar/1679.html> (diakses pada 18hb Februari 2022)
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan : Parameter Pelaburan Emas. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/10283> (diakses pada 10hb Februari 2022)
- Senarai Produk Simpanan Emas Patuh Syariah. https://web.facebook.com/668124716564583/posts/produk-baru-simpanan-emas-patuh-syariahalhamdulillahayasan-pembangunan-ekonomi-4306967639346921/?_rdc=1&_rdr (diakses pada 15hb Februari 2022)

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.